

**TEKS UCAPAN  
YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH  
KETUA PENGARAH  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**SEMPENA  
PERHIMPUNAN BULANAN  
PADA  
23 NOVEMBER 2015**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

YBERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

YBHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN  
PENGARAH KANAN PENGURUSAN  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN  
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan dan meraikan persaraan kakitangan LLM.

## **BAJET 2016**

2. Pada 23 Oktober yang lalu, YAB. Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah membentangkan bajet 2016 yang bertemakan "Mensejahtera Kehidupan Rakyat" yang bertunjangkan kepada 5 Keutamaan dan peranan LLM dilihat didalam Strategi Menambahbaik Infrastruktur bagi 2 lebuhraya iaitu:

- a. Lebuhraya Damansara – Shah Alam,
- b. Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Klang

3. Dalam hal ini, LLM perlu memastikan segala projek yang direncana disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Ini merupakan amanat Kerajaan kepada kita agar projek dilaksanakan sebaik mungkin dan seterusnya mencapai matlamat dan hasrat Kerajaan iaitu menyediakan ekosistem yang kondusif dan komprehensif bagi melonjak pelaburan domestik dan asing serta memberi manfaat kepada rakyat yang menggunakan lebuhraya – lebuhraya ini. Disini juga saya ingin mengingatkan, keselamatan di tapak pembinaan perlu dipertingkatkan agar kemalangan di tapak dapat dielakkan. Pendekatan pemantauan yang ketat serta pematuhan Standard Prosedur (SOP) perlu diamalkan oleh setiap pegawai dan kakitangan agar kualiti pembinaan mengikut piawaian yang ditetapkan.

4. Bajet 2016 juga turut mengambil berat kebajikan kakitangan perkhidmatan awam. Ini jelas apabila YAB Perdana Menteri, mengumumkan dalam pembentangan Bajet 2016, beberapa insentif untuk penjawat awam seperti berikut:

- I. Pemberian Khas (bonus) sebanyak RM500 kepada penjawat awam atau kakitangan kerajaan manakala pesara kerajaan pula akan menerima bayaran khas RM250. Kedua-dua bayaran ini yang berjumlah hampir RM1 bilion akan dibuat pada bulan Januari 2016.
  - II. Kerajaan juga bersetuju menambah baik beberapa perkara bagi menghargai sumbangan dan khidmat bakti kakitangan perkhidmatan awam termasuk menetapkan skim gaji minimum dalam perkhidmatan awam kepada RM1200 sebulan.
  - III. Kadar pencen minimum akan ditetapkan pada RM950 sebulan membabitkan pesara awam dengan sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan.
  - IV. Pergerakan gaji bersamaan satu kenaikan gaji tahunan mengikut gred (2 kali kenaikan gaji)
  - V. Pegawai lantikan Perkhidmatan Kontrak yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dalam perkhidmatan awam juga akan dilantik secara tetap.
5. Oleh yang demikian, kita seharusnya berterima kasih atas keprihatinan Kerajaan dengan melakukan yang terbaik dalam tugas kita sebagai penjawat awam. Kita perlu fokus dan menjaga amanah yang telah diberikan selaku penjawat awam. Marilah kita bersama-sama menjayakan Agenda Transformasi Negara demi pembangunan negara kita.

### **TANAH RUNTUH DI KM52.4 LEBUHRAYA KUALA LUMPUR KARAK**

6. Pada 11 November 2015, satu kejadian tanah runtuh telah berlaku di Kilometer 52.5 Jalan Lentang – Bukit Tinggi. Ini telah mengakibatkan pengguna-pengguna jalan raya di kedua-dua hala tidak dapat melalui lebuh raya itu. Syukur

kita ke hadrat illahi kerana tiada kemalangan jiwa yang dilaporkan pada kejadian tanah runtuh yang telah berlaku itu.

7. Kerja-kerja pembersihan pada ketika itu segera dijalankan dan siap pada jam 10 pagi keesokan harinya (12 November 2015). Pada waktu kecemasan begini, kita diuji dengan *response time* dan kawalan trafik di lokasi kejadian. LLM menjadi tempat rujukan melalui laman sosial seperti Facebook, Twitter, Portal LLM dan juga melalui panggilan telefon oleh pengguna lebuhraya. Maklumat-maklumat yang betul dan tepat perlu disalurkan dengan segera supaya tidak mengelirukan dan merumitkan pengguna lebuhraya. Selain itu, tindakan penambahbaikan di tapak juga perlu segera dilaksanakan dan pada masa yang sama mengutamakan keselamatan pengguna dan pekerja-pekerja yang terlibat. Sekiranya maklumat yang tidak tepat dan cepat disebar, ianya akan diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu memutarbelitkan atau menyampaikan maklumat yang salah kepada pengguna dan Kementerian/LLM mendapat kecaman dan pelbagai rungutan yang tidak memuaskan.

8. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat yang bertungkus lumus menangani insiden ini serta tidak dilupakan kepada petugas TMC dan pasukan media sosial kita dalam membantu menghebahkan dan mengemaskini maklumat dan info-info terkini dengan pantas untuk makluman pengguna lebuhraya. Walaupun insiden ini dapat ditangani dengan baik sehingga laluan berkenaan di buka sepenuhnya pada 14 November 2015, namun Standard Operational Procedure (SOP) dan juga Pelan Pengurusan Risiko bagi menghadapi bencana sedia ada perlu ditambah baik sama ada dari aspek pelan komunikasi, petugas lapangan mahupun perkhidmatan lain kepada mangsa yang terperangkap. Insiden yang berlaku ini boleh dijadikan sebagai panduan dan dorongan kepada kita untuk menambahbaik kelemahan-kelemahan yang ada supaya perkhidmatan disediakan memenuhi ekspektasi pengguna lebuhraya.

## **ISU KEMALANGAN DI LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 (LPT 2)**

9. Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT 2) merupakan satu projek infrastruktur berimpak tinggi dibawah Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10) yang melibatkan pembinaan jajaran lebuh raya sejauh 184 kilometer dari Jabor sehingga ke Gemuruh, di bahagian utara Kuala Terengganu dengan kos pembinaan mencecah hampir RM4.1 billion. Pembukaan LPT 2 sepenuhnya pada 31 Januari 2015 secara tidak langsung memberi kemudahan dan keselesaan orang ramai terutamanya memendekkan tempoh perjalanan yang hanya memakan masa hanya kira-kira satu jam setengah berbanding laluan biasa yang mengambil masa tiga jam.

10. Walau bagaimanapun, baru-baru ini kita telah dikhabarkan dengan beberapa kali berita kemalangan yang meragut nyawa berlaku di LPT2. Dalam jangka masa sebulan sahaja, dua kemalangan maut telah dicatatkan di LPT2. Dari penilaian yang dibuat oleh pihak ketiga hanya 20 % dari laluan keseluruhan LPT2 dikesan bermasalah. Baki 80 % laluan itu dalam keadaan baik. Ianya sekali gus menolak dakwaan orang ramai keadaan jalan menjadi penyumbang utama kepada kemalangan di lebuh raya berkenaan. Tidak kurang juga, ada sesetengah pihak media cetak yang mengaitkan dengan kehadiran entititi halus penyebab kepada kemalangan maut yang sering berlaku di LPT2. Dari Oleh itu, kita sebagai agensi kerajaan yang diberi mandat untuk mengawal selia semua lebuh raya di Malaysia perlu memikul tanggungjawab untuk mengkaji apakah penyebab utama kepada kemalangan yang sering berlaku di LPT2.

11. Selain itu, pihak LLM juga berperanan untuk meneutralkan dan memantau isu ini supaya tidak ada pihak yang cuba untuk *viral* berita-berita yang tidak tepat mengenai kemalangan yang berlaku di LPT2. Pegawai dan kakitangan LLM juga seharusnya memainkan peranan penting dengan mewar-warkan media sosial rasmi LLM seperti Facebook LLM dan twitter LLM kepada keluarga dan sahabat bagi mendapatkan maklumat sahih dan tepat mengenai semua lebuh raya yang terdapat di Malaysia.

## **PERSEDIAAN MENGHADAPI BENCANA BANJIR**

12. Banjir merupakan bencana alam yang perlu diberi perhatian kerana bencana ini akan memberi kesan langsung terhadap kehidupan dan ekonomi penduduk negara ini. Masalah banjir disebabkan banjir musim tengkujuh dan banjir kilat yang dijangka berterusan ini akan menyebabkan bencana besar kepada Negara sekiranya tidak diambil langkah mitigasi awal.

13. Kita perlu bersedia untuk menghadapi bencana banjir yang dijangka akan melanda negara selain dari kes runtuh cerun-cerun yang berisiko. Langkah mitigasi bagi kedua-dua bencana ini telah dikenalpasti dan didokumenkan dalam sistem Pengurusan Risiko LLM. Borang Semakan Pengurusan Risiko dan Pelan Tindakan Mitigasi Risiko perlu dikemaskini mengikut perkembangan semasa.

14. Pegawai dan kakitangan di Pusat Pengurusan Trafik (TMC) LLM perlu bersiap sedia dan bahagian Teknikal yang terlibat juga perlu menyalurkan maklumat yang betul dan cepat kepada TMC dan pasukan Media Sosial. Mungkin peristiwa bencana banjir pada tahun lalu boleh dijadikan iktibar dan pengalaman berguna kepada kita semua. Pepatah lama ada menyatakan “sediakan payung sebelum hujan”. Marilah kita berdoa semoga Allah S.W.T sentiasa melindungi kita semua dari musibah dan bencana.

## **PELAN STRATEGIK LLM 2016-2020 DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) LLM 2016**

15. LLM kini sedang merangka Pelan Strategik LLM bagi tempoh lima tahun akan datang iaitu tahun 2016-2020. Perancangan strategik merupakan salah satu pendekatan pengurusan untuk mencapai kecemerlangan organisasi. Ianya dilaksanakan melalui proses penetapan halatuju, pengenalpastian isu-isu strategik serta penggubalan strategi-strategi ke arah pencapaian objektif organisasi yang disasarkan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Tujuan atau sebab penubuhan sesebuah organisasi? (What is our basic purpose or why do we exist?)
- ii. Kepada siapa perkhidmatan diberikan? (Who we serve?, as our customers: geography, segments, names)
- iii. Apakah yang hasil akhir yang diinginkan? (What we produce- outcome benefits: products, services, uses) atau Keperluan pelanggan apakah yang dapat organisasi penuhi.
- iv. Apakah nilai organisasi kepada pelanggan? ( Our distinctive competence. (How we do it "differently", "better", "more effectively" than others)

16. Kita akan memuktamadkan Pelan Strategik LLM ini dan KPI LLM 2016 akan ditetapkan melalui Pelan Strategik ini. Oleh itu saya berharap semua pegawai dan kakitangan memberi perhatian dan berdedikasi dalam memastikan setiap apa yang dirancang dapat direalisasikan dengan baik.



## PERSARAAN KAKITANGAN LLM

17. Pada hari ini juga kita akan meraikan persaraan dua orang kakitangan LLM yang akan menamatkan perkhidmatan di LLM melalui persaraan pilihan iaitu:

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN / GRED</b>	<b>BAHAGIAN</b>
<b>1.</b>	<b>MASNAH BINTI MD. YUSOFF</b>	<b>PEMBANTU TADBIR (P/O) (GRED N17)</b>	<b>PEJABAT WILAYAH TENGAH</b>
<b>2.</b>	<b>RUZITA BINTI MAAROF</b>	<b>PEMBANTU TADBIR (P/O) (GRED N17)</b>	<b>PENGURUSAN REKABENTUK</b>

18. Majlis hari ini adalah sebagai satu penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga daripada LLM atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh mereka dengan penuh dedikasi. Sesungguhnya khidmat bakti puan-puan selama bertahun ini tiadalah boleh disamakan nilainya dengan hanya sebuah majlis seperti ini sahaja. Namun, majlis ini merupakan pengiktirafan dan tanda peringatan kita yang masih berkhidmat lagi ini, kepada puan-puan yang telah bersama-sama menyemai bakti menjadikan kakitangan LLM yang menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan lebuh raya negara.

19. Persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna bagi setiap penjawat awam. Pasti puan-puan telah pun membuat perancangan bagi menghadapi alam baru ini. Saya pasti ada yang mahu berniaga, melaksanakan ibadat dan pelbagai aktiviti berfaedah lain yang ingin diisi selepas persaraan nanti. Walau apa pun, hakikatnya setiap pesara sebenarnya sedang melangkah atau telah memasuki fasa hidup yang baharu dan pastinya akan berhadapan dengan suasana dan cabaran yang berbeza dengan alam pekerjaan.

20. Dalam konteks ini, saya percaya puan-puan sekalian sudah cukup bersedia dan tidak akan menghadapi masalah besar dalam mengatur strategi menghadapi dunia persaraan. Pada kesempatan ini juga saya dan seluruh warga LLM, sekali lagi, mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan Puan-puan kepada LLM sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan LLM hari ini dan menjadi contoh kepada warga LLM yang masih berkhidmat.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu"Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.